

NO. SOALAN: 553

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd
Akin**

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai negara dan tempat kunjungan, tempoh lawatan, jumlah serta anggota rombongan dan keseluruhan perbelanjaan kunjungan ke luar negara yang dibuat oleh Perdana Menteri sejak April 2009.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan kunjungan ke luar negara yang dilakukan oleh Perdana Menteri sejak April 2009 adalah melibatkan 120 lawatan merangkumi kunjungan ke negara ASEAN, Eropah, Amerika Syarikat dan lain-lain negara lagi. Perbelanjaan ini merangkumi delegasi Pegawai Kerajaan dan Pegawai Pengiring YAB Perdana Menteri.

Kunjungan-kunjungan tersebut adalah dengan tujuan rasmi seperti menghadiri mesyuarat dua hala antara Malaysia dan negara terlibat dan kunjungan rasmi bagi mengeratkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara lain.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN
DARIPADA MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) adakah kejadian kebocoran kertas peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014, kertas Bahasa Inggeris 014/1 dan 014/2, kertas Sains 018, 028 dan 038 disebabkan kecuiaan Kementerian atau tindakan sabotaj; dan
- b) apakah sudah dikenal-pasti pihak yang terlibat serta jaminan Kementerian supaya perkara yang membebankan murid-murid dan ibu-bapa ini tidak berlaku lagi.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 11 September 2014 telah mengesahkan laporan kebocoran kertas Bahasa Inggeris bagi Sekolah Kebangsaan (SK) serta kertas Science bagi SK, SJKC dan SJKT. Manakala pada 21 September 2014, KPM telah mengesahkan kebocoran kertas ujian Matematik bagi SK, SJKC dan SJKT serta kertas Bahasa Tamil. Isu bagaimana dan punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan UPSR tersebut akan diketahui setelah polis selesai menjalankan siasatan.